



AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 3, JALAN MAKTAB PERGURUAN ISLAM
43000 KAJANG
SELANGOR



Tel : 03-8911 2200
Fax : 03-89261807
<http://www.adk.gov.my>

Ruj Kami : ADK 20/4/2/17 Jld.5(14)
Tarikh : 2 Jun 2011

Semua Pegawai dan Kakitangan
Agensi Antidadah Kebangsaan

Tuan/Puan,

Larangan Penggunaan Aplikasi Jaringan Sosial Dan *Wireless Broadband Internet* Peribadi Di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa ICT (JICTA) AADK Bil. 1/2011 pada Isnin 19 Mei 2011, telah mengenalpasti bahawa semenjak kebelakangan ini, terdapat warga AADK melayari aplikasi jaringan sosial terutamanya Facebook, Friendster, MySpace dan Twitter pada waktu pejabat dengan menggunakan *wireless broadband Internet* peribadi.
3. Dasar Keselamatan ICT AADK dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2003 bertajuk Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan telah dikeluarkan bagi memenuhi keperluan penggunaan, langkah-langkah perlindungan dan penguatkuasaan, supaya penggunaan internet dan e-mel semasa waktu pejabat sentiasa dikawal sekali gus perlindungan keselamatan yang lebih mantap dapat diwujudkan. Antara kandungan Garis Panduan ini adalah LARANGAN daripada melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tata cara penggunaan internet.
4. Sehubungan ini, Tuan/Puan diminta **SEGERA** menghentikan penyalahgunaan semua aplikasi jaringan sosial semasa di pejabat. Selaras dengan arahan ini, penggunaan perkakasan *wireless broadband Internet* peribadi adalah **DILARANG** sama sekali. Tindakan tegas akan diambil sekiranya didapati masih terdapat warga AADK yang ingkar perintah terhadap larangan ini.
5. Justeru itu, diharapkan semua kakitangan AADK sama-sama bertanggungjawab melaksana arahan larangan ini di AADK. Ketua dan para Penyelia AADK di pelbagai peringkat/Gred hendaklah sentiasa memantau perkara ini daripada berterusan bagi memastikan imej, prestasi dan integriti AADK sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJJAH ZURAIHAH BT HJ. MOHAMED)